

19 JAN 2002

Indera-Reaksi

KEMENANGAN BUKTIKAN BN KUAT, KATA PARA PEMIMPIN

KANGAR, 19 Jan (Bernama) -- Para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) menyambut baik kemenangan besar BN pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan dan menyifatkannya sebagai penerimaan jelas rakyat terhadap kepemimpinan BN.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kemenangan itu membuktikan semua anggota MCA dan parti-parti komponen dapat bersatupadu demi kepentingan BN.

Kemenangan itu menunjukkan BN sebenarnya kuat.

"Ini menunjukkan perpaduan dapat mengatasi segala cabaran terutamanya dalam memastikan kemenangan BN dalam sebarang pilihan raya yang diadakan dan saya berharap semangat ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang," kata Dr Ling.

Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata kemenangan ini adalah hadiah orang Perlis kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Shahidan berkata, beliau gembira dengan kemenangan itu walaupun pelbagai tohmahan yang menyentuh peribadi beliau dilemparkan tetapi rakyat telah menolak taktik kotor pembangkang dan masih tetap memilih BN.

"Kemenangan ini suatu kenangan abadi anak saya yang telah meninggal dunia," katanya.

Dalam pilihan raya kecil hari ini calon BN Ooi Ah Lan berjaya menewaskan calon Keadilan Khoo Yang Chong dengan majoriti 2,592 undi. Ooi memperoleh 4,279 undi berbanding Khoo yang hanya mendapat 1,687 undi.

Pada pilihan raya 1999, calon BN mendiang Datuk Khor Liang Tee yang meninggal dunia pada 19 Dis lepas kerana barah usus menang dengan majoriti 1,974 undi.

Sementara itu Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, kemenangan besar BN pada pilihan raya kecil ini patut dijadikan pengajaran oleh Keadilan yang tidak lagi dapat menarik sokongan dengan menggunakan taktik kotor seperti pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Lunas, pada tahun 2000.

"Orang sudah tahu taktik kotor yang digunakan Keadilan di Lunas dulu, jadi kali ini tidak lagi menyokong Keadilan," katanya ketika dihubungi menerusi telefon malam ini.

Kemenangan itu menunjukkan bahawa BN akan terus mendapat sokongan rakyat terhadap kepemimpinan negara yang diterajui Dr Mahathir.

Kemenangan itu juga merupakan hadiah kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bekerja keras bagi memastikan calon BN berjaya pada pilihan raya kecil itu.

Samy Vellu juga percaya 433 pengundi India di kawasan pilihan raya itu memberikan undi mereka kepada BN.

Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Datuk M. Kayveas berkata beliau tidak terperanjat dengan majoriti yang bertambah bagi calon BN kerana daripada maklumbalas yang beliau dapati semasa kempen BN adalah jelas rakyat mahu memberikan kemenangan besar kepada BN.

Ooi Ah Lan calon BN bagi Indera Kayangan berkata, kemenangan besar yang diperolehinya itu sememangnya telah diduga kerana parti-parti komponen BN memberi kerjasama yang baik kepadanya.

Menurut Ooi, beliau akan mengunjungi setiap kampung di Indera Kayangan untuk bertemu rakyat sebagai tanda terima kasih kepada mereka.

"Kemenangan ini bukan hanya untuk saya tetapi yang lebih penting ia

kemenangan BN," katanya.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Mohamad Taib berkata, pengaruh Keadilan semakin terhakis di negara ini dengan kemenangan besar itu.

Ini kerana sebelum ini Keadilan begitu yakin akan menang pada pilihan raya kecil itu, katanya.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Mohd Khalil Yaakob berkata, kemenangan besar BN membuktikan rakyat mula menolak pembangkang manakala sokongan terhadap BN kian meningkat.

Beliau gembira dengan kemenangan itu yang dikatakan sebagai bukti bahawa negara ini masih memerlukan kepimpinan yang berterusan daripada BN.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Ooi, beliau juga yakin wakil rakyat pertama daripada wanita MCA Perlis itu mampu memberi perkhidmatan yang cemerlang di Indera Kayangan.

Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek pula berkata MCA bernasib baik kerana BN mempunyai jentera pilihanraya yang baik yang banyak membantu memastikan kemenangan calon BN itu.

"Ini juga menunjukkan bahawa sokongan masyarakat kepada parti pembangkang semakin berkurangan. Mereka (pembangkang) tidak mempunyai wawasan untuk membela rakyat," katanya.

Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Keat pula menyifatkan kemenangan besar Ooi Ah Lan sebagai mengejutkan dan ini membuktikan bahawa jentera pilihanraya BN yang bersepadu mampu membawa hasil yang memberangsangkan.

"Keputusan ini jelas menunjukkan penduduk di Indera Kayangan mahukan kepimpinan yang berwawasan serta menolak politik pembangkang yang hanya mahu mengambil kesempatan mengelirukan pengundi," katanya.

Rakan Ong dalam pergerakan wanita, Datuk Dr Ng Yen Yen pula menyifatkan kemenangan ini sebagai bukti pengundi di Indera Kayangan mempercayai keupayaan calon wanita dalam melaksanakan mandat yang diberikan oleh rakyat.

"Ini menunjukkan ketokohan kepimpinan wanita BN yang jelas diterima baik oleh pengundi di Indera Kayangan," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata, kemenangan itu membuktikan formula BN diterima oleh rakyat.

Keputusan pucuk pimpinan BN untuk memilih seorang calon wanita dari parti MCA tidak menjadi persoalan kerana barisan Pemuda akan tetap memberikan sokongan dengan berkempen untuk BN.

"Keputusan itu juga membuktikan rakyat menolak dakwah pembangkang," katanya.

Sementara itu Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said berkata, keputusan pilihan raya itu membuktikan rakyat menerima BN yang memperjuangkan keamanan dan perpaduan serta menolak parti pembangkang.

Hishammuddin dan Azalina juga bersependapat peningkatan majoriti yang diperolehi calon BN menunjukkan rakyat percaya dan terus yakin dengan BN.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid yang juga Timbalan Pengarah pilihan raya kecil kawasan Indera Kayangan bagi BN berkata kejayaan BN itu menunjukkan keyakinan orang Melayu kepada BN umumnya dan Umno khususnya semakin meningkat.

Kemenangan itu memberi keyakinan kepada BN untuk menyapu bersih semua kerusi DUN pada pilihan raya umum akan datang, katanya.

Pengerusi MIC Perlis S. Vengadasamy berpuas hati dengan sokongan para pengundi India kerana sedikit sebanyak dapat membantu menyumbang kepada kemenangan BN itu.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Perlis, Mastika Junaidah Husein pula berkata kemenangan itu merupakan satu kejayaan kepada wanita negeri Perlis seluruhnya.

-- BERNAMA

TM JM PR

